

08/08/2003

Dua calon angkasawan akan dipilih

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR: Dua calon akan dipilih menjalani latihan angkasawan selama 18 bulan di Russia sebelum seorang daripadanya dihantar menyertai misi ke angkasa lepas.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (NSA), Prof Datuk Dr Mazlan Othman, berkata pemilihan calon serta dua lagi calon sokongan akan dibuat tidak lama lagi berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan jawatankuasa khas NSA dengan kerjasama Russia.

Beliau berkata, semua rakyat Malaysia berpeluang menjadi angkasawan negara, jika memenuhi kriteria, sihat tubuh badan dan mental serta lulus latihan.

"Tawaran terbuka kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang dan usia. Ada angkasawan berusia 65 tahun berjaya ke angkasa lepas.

"Apa yang penting, mereka menepati kriteria yang ditetapkan, sihat tubuh badan dan mental serta menjalani latihan 18 bulan di Russia. Tidak ada pertimbangan atau layanan khas bagi anggota tentera untuk layak menjadi calon.

"Sesiapa saja, guru, wartawan, semuanya boleh mengemukakan permohonan. Kita mahu semua rakyat Malaysia merebut peluang ini," katanya sambil menambah permohonan akan dibuka dalam tempoh satu atau dua bulan lagi.

Dr Mazlan yang juga Ketua Pengarah Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa), bagaimanapun tidak menolak kemungkinan kelayakan ijazah sarjana muda akan dijadikan antara syarat minimum seperti yang dilakukan Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik Amerika Syarikat (Nasa).

Nasa menetapkan kelayakan minimum pemilihan calon pakar misi dan juruterbang angkasawan adalah sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda daripada universiti yang diiktiraf dalam bidang kejuruteraan, sains biologi, sains fizikal atau matematik.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis taklimat program angkasa lepas kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB), di sini semalam.

Namun, Dr Mazlan berkata, calon terbabit tidak perlu mempunyai kemahiran penyelidikan saintifik walaupun mereka perlu menjalankan tugas itu dalam misi berkenaan.

"Mereka akan dilatih menjalankan penyelidikan ini. Pada masa sama, mereka akan mempelajari bahasa Russia kerana akan menjadi sebahagian daripada krew negara itu," katanya.

Calon sokongan bagaimanapun, tidak menjalani sebarang latihan, sebaliknya hanya perlu memastikan mereka berada dalam keadaan sihat.

Ditanya sama ada Malaysia benar-benar mampu menghantar angkasawan ke angkasa lepas menjelang 2005, beliau berkata, Malaysia pasti akan menghantar angkasawan pertamanya ke ruang angkasa sebelum penghujung 2005.

Hasrat melancarkan program angkasa lepas itu dicapai hasil perjanjian yang dipersetujui Malaysia dengan Russia berikutan pembelian pesawat pejuang Russia.

Program timbal balik perjanjian pembelian pesawat itu juga membabitkan pemindahan teknologi bernilai 30 peratus atau RM1.06 bilion daripada keseluruhan kos pembelian pesawat.